



SIARAN MEDIA

PERISYTIHARAN OLEH PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA BERKENAAN PERATURAN PENETAPAN TARIKH AWAL ZULHIJAH DAN HARI RAYA KORBAN BAGI TAHUN 1447H / 2026M

PUTRAJAYA, 8 Mei 2026 – Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

“Bagi menyempurnakan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, setelah diperkenankan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, mengisytiharkan bahawa tarikh bagi melihat anak bulan Zulhijah ialah pada petang hari **Ahad, 17 Mei 2026 Masihi** bersamaan **29 Zulkaedah tahun 1447 Hijrah**.

2. Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan telah diperkenankan melihat anak bulan Zulhijah pada petang hari tersebut di tempat yang berikut:

- 2.1. Baitul Hilal Bangunan Sultan Ismail, Pontian, Johor;
- 2.2. Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka;
- 2.3. Balai Cerap Negeri Sembilan (MAINS);
- 2.4. Baitul Hilal Bukit Melawati, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan;
- 2.5. Baitul Hilal Bukit Jugra, Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan;
- 2.6. Balai Cerap Selangor, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan;
- 2.7. Baitul Hilal Pantai Pasir Panjang, Mukim Pengkalan Baru, Daerah Manjong, Perak Darul Ridzuan;
- 2.8. Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang;
- 2.9. Stesen Cerapan Hilal Kampung Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah Darul Aman;
- 2.10. Stesen Cerapan Hilal Pemandangan Indah, Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman;
- 2.11. Menara Alor Setar, Kedah Darul Aman;

- 2.12. Stesen Cerapan Hilal Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu;
 - 2.13. Stesen Cerapan Hilal Bukit Geliga, Kemaman, Terengganu;
 - 2.14. Stesen Cerapan Hilal Pulau Perhentian, Besut, Terengganu;
 - 2.15. Balai Cerap KUSZA, Mukim Merang, Setiu, Terengganu;
 - 2.16. Stesen Cerapan Hilal Bukit Peraksi, Pasir Puteh, Kelantan;
 - 2.17. Stesen Cerapan Hilal Bukit Kampong Tembeling, Mukim Manjur, Daerah Olak Jeram, Kuala Krai, Kelantan;
 - 2.18. Stesen Cerapan Hilal Menara Bangunan SEDC, Jalan Tengku Putra Semerak, Kota Bharu, Kelantan;
 - 2.19. Pusat Falak Miri, Esplanade Luak, Miri, Sarawak;
 - 2.20. Teluk Bandung, Kuching, Sarawak;
 - 2.21. Pusat Falak Bintulu, Sarawak;
 - 2.22. Balai Cerap Al-Biruni, Tanjung Dumpil, Putatan, Sabah;
 - 2.23. Tapak Cerapan Hilal Bukit Tanjong Batu, Nenasi, Pahang;
 - 2.24. Stesen Cerapan Hilal Gunung Brinchang, Cameron Highlands, Pahang;
 - 2.25. Menara 188, Kuantan Pahang;
 - 2.26. Menara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan;
 - 2.27. Menara Kuala Lumpur, Kuala Lumpur;
 - 2.28. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya; dan
 - 2.29. Menara Pandang, Masjid Al-Hussain Kuala Perlis, Perlis
3. Majlis Raja-Raja telah memersetujui bahawa cara menetapkan Tarikh Awal Zulhijah adalah berdasarkan Rukyah dan Hisab.
4. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, akan mengisytiharkan pada malam itu juga Tarikh Awal Zulhijah yang ditetapkan melalui Radio dan Televisyen.

PERINGATAN: PERKATAAN-PERKATAAN DI ATAS TIDAK BOLEH DIPINDA

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja,
KUALA LUMPUR

**Bilik Berita
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan Malaysia
03-8911 7381 / 7382**